

# Nikah Kontrak (Mut'ah): Satu Penjelasan

Zakaria @ Mahmud bin Daud

## Abstract

*Mut'ah, though prohibited by the Prophet is still a controversial issue among the Muslims and there are those who practise it. For the followers of Syiah Imamiah and those influenced by them the marriage is still allowable for the Muslims. On the other hand the followers of Ahli Sunnah regard it as forbidden. The Prophet allowed the practice among the Sahabat twice during the wars but later prohibited it permanently. The scholars from the schools of Ahli Sunnah agree that the practice is prohibited among the Muslims based on the verses of the Quran and the Hadith including those reported by Sayyidina Ali himself. The scholars' consensus is regarded as right and well based which has to be upheld by all Muslims.*

## Pendahuluan

Di akhir-akhir ini kita mendengar berita ada dari kalangan umat Islam Malaysia telah mengamalkan nikah kontrak atau nikah mut'ah. Di antara yang terlibat ialah kalangan pelajar yang sedang belajar di luar negeri sehingga ada di antara mereka yang telah mendapat anak hasil dari perkahwinan tersebut. Mengikut Dato' Dr. Abdul

Hamid Othman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di awal kejayaan revolusi Iran dahulu telah ada pelajar yang balik membawa anak dan apabila disiasat mereka mengaku melakukan nikah mut'ah (kontrak). Sekarang ini berita itu timbul semula sehingga pihak Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri, akan membuat penyiasatan terhadap berita baru yang menyebut ada pelajar Malaysia melakukan nikah tersebut di luar negeri.<sup>1</sup>

Di dalam ruangan ini penulis ingin mengulas mengenai nikah kontrak (mut'ah), dan akan cuba mengulas pandangan ulama mengenainya. Semoga dengan ini umat Islam di Malaysia akan faham dan tahu apakah hakikat dan hukum mut'ah yang sebenar.

### Definisi Nikah Kontrak (Mut'ah)

Nikah kontrak atau mut'ah ialah perkahwinan seorang lelaki dengan seorang perempuan dengan dikenakan bayaran tertentu (maskahwin) dan ditetapkan masa atau tempoh tertentu di dalam akad. Nikah itu akan tamat (terbatal) sebaik-baik sahaja habis masa atau tempoh yang ditetapkan di dalam akad berkenaan tanpa perlu menyebut lafaz talak atau cerai. Nikah ini tidak mewajibkan suami memberi nafkah kepada isterinya atau menyediakan tempat tinggal. Jika salah seorang dari keduanya mati sebelum tamat tempoh yang ditetapkan, pihak yang satu lagi tidak boleh mempesakai harta si mati berkenaan.<sup>2</sup>

Imam al-Qurtubi memetik definisi nikah mut'ah yang dijelaskan oleh Ibnu 'Atyyah, seorang ulama tafsir dari Sepanyol dengan katanya:

*Nikah mut'ah ialah seseorang lelaki mengahwini seseorang perempuan dengan disaksikan oleh dua orang saksi lelaki, dan diizini oleh wali perempuan tersebut, dengan ditetapkan tempoh masa tertentu dan kedua-dua suami isteri tidak berhak mempesakai harta di antara satu sama lain serta suami wajib membayar wang kepada isteri sebanyak mana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Apabila habis tempoh masa yang ditetapkan, maka perempuan (isteri) itu tidak boleh dianggap isterinya lagi dan ia mesti beriddah. Jika didapati tidak mengandung, dia boleh berkahwin dengan orang lain.<sup>3</sup>*

Dari definisi ini menunjukkan bahawa nikah kontrak atau nikah mut'ah mengandungi beberapa ciri penting, antaranya mesti ada lafaz ijab dan kabul, mesti disebut kadar mas kahwin dan disebut tempoh masa perkahwinan seperti sehari, seminggu, sebulan atau sebagainya. Kedua-dua suami isteri tidak boleh menerima pesaka antara satu sama lain, isteri mesti beriddah apabila habis tempoh masa yang ditetapkan sebanyak dua kali suci haid bagi perempuan yang pernah datang haid atau selama 45 hari jika ia tidak pernah datang haid, dan jika suaminya mati, ia mesti beriddah selama empat bulan sepuluh hari.<sup>4</sup> Bagaimanapun dua orang saksi merupakan perkara sunat sahaja dan keizinan wali tidak perlu kecuali jika perempuan itu seorang anak dara.<sup>5</sup>

Jika dilihat kepada ciri-ciri yang ada pada nikah kontrak ini didapati ia lebih ringan atau lebih longgar dari ciri-ciri yang ada pada nikah biasa. Sebab itu ramai para ulama menolak nikah kontrak ini dan menganggap ianya tidak sah dan persetubuhan yang dilakukan adalah dalamnya haram dan zina.<sup>6</sup>

### Hukum Nikah Kontrak

#### a. Pendapat Pertama (Syiah Imamiyah)

Segolongan orang Islam berpendapat nikah kontrak (mut'ah) ini diharuskan oleh Islam. Mereka ini terdiri dari golongan Syiah Imamiyah dan pengikut-pengikut ahli sunnah Wal Jamaah yang terpengaruh kepada pendapat dan dalil-dalil Syiah. Syiah membuktikan kebenaran pendapat mereka dengan ayat al-Quran, hadis Rasulullah dan kata-kata Ibnu Mas'ud dan Ibnu 'Abbas r.'a. dan lain-lain.

Mengikut mereka, ayat al-Quran yang mengharuskan nikah kontrak, ialah firman Allah:<sup>7</sup>

وَأَحْلُّ لَكُمْ مَا وَرَأَيْتُمْ إِنْ تَبْتَغُوا بِأَمْوَالِكُمْ مَحْصُنِينَ غَيْرَ مَسَاقِحِينَ  
فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ فَأَتُوْهُنَّ أَجْوَاهُنَّ فَرِيقَةٌ

Ertinya: *Dan dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu untuk kamu jadikan (isteri) dengan harta kamu secara bernikah bukan secara berzina. Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran (atau persetubuhan) dengannya, maka berilah kepada mereka mas'kahwin (dengan sempurna) sebagai satu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah).*

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ

(mana-mana perempuan yang kamu nikmati persetubuhan dengannya) itu bermaksud "menikmati persetubuhan dengan melalui nikah mut'ah bukan nikah biasa.

Jadi, ayat ini membuktikan harusnya nikah mut'ah dan tidak ada dalil lain yang menasakhkan ayat ini. Oleh itu hukum harus nikah mut'ah itu kekal sampai ke hari kiamat.

Mereka juga berhujjah bahawa mengikut Qiraat (bacaan) dari Ibnu Mas'ud dan Ibnu 'Abbas r.'a., ayat ini menjelaskan tentang harusnya nikah mut'ah kerana Ibnu Mas'ud dan Ibnu 'Abbas membaca ayat itu begini:<sup>8</sup>

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ لَا أَجْلَ مَسْمَى

Ertinya: *Maka mana-mana perempuan yang kamu setubuhi dengannya (melalui mut'ah) sehingga sampai tempoh yang di-tetapkan (di dalam akad).*

Jadi mengikut Qiraat ini, jelas bahawa ayat di atas menerangkan tentang harusnya nikah mut'ah dan bukan nikah biasa. Kerana dalam bacaan itu disebut tempoh masa yang disetujui oleh kedua-dua belah pihak (ال أجل مسمى). Tempoh masa begitu hanya ada pada nikah mut'ah sahaja.

Selain dari itu mereka juga berdalil dengan hadis Rasulullah yang mengharuskan nikah mut'ah di awal Islam dan dikatakan tidak ada hadis lain yang membantalkan keharusannya. Sebab itu hukum harus itu berterusan sampai ke akhir zaman. Di antara hadis yang mengharuskan nikah mut'ah ialah:

Hadis riwayat Muslim dari Jabir bin Abdullah dan Salamah bin al-Akwa' r.'a. Mereka berdua berkata: Keluar kepada kami seorang penyeru Rasulullah s.'a.w (penyeru yang dilantik oleh Rasulullah) lalu ia menyeru katanya: Sesungguhnya Rasulullah telah membenarkan kepada kamu melakukan mut'ah dengan perempuan.<sup>9</sup>

Hadis lain Jabir menyebut: Kami telah melakukan mut'ah dengan (membayar kepada perempuan) segenggam buah tamar dan segenggam debu gandum selama beberapa hari sewaktu Rasulullah masih ada. Kemudian dilarang oleh Saidina Omar.<sup>10</sup>

Dari Hadis-hadis ini jelas menunjukkan nikah mut'ah diharuskan oleh Rasulullah s.'a.w.

Hujjah lain ialah: Orang yang mengharamkan nikah mut'ah selepas wafatnya Rasulullah ialah Sayidina 'Umar Ibni al-Khattab. Bagi mereka pendapat Umar ini tidak boleh dipegang kerana berlawanan dengan hadis Nabi dan ayat al-Quran.

#### *b. Pendapat Kedua (Ahli Sunnah)*

Ulama tafsir, hadis (mufassirin dan muhaddithin) dan ulama fiqh dari kalangan Ahli Sunnah sepakat mengatakan nikah kontrak atau mut'ah ini telah diharamkan oleh Rasulullah. Ia hanya diharuskan dua kali di awal Islam tetapi kemudian, diharamkan buat selama-lamanya sampai ke hari kiamat. Bagi golongan ini, segala hujah dan dalil yang dibawa oleh pendapat pertama di atas boleh ditolaknya dengan hujah yang kuat.

Untuk lebih jelas di bawah ini dibawa beberapa dalil mereka:

##### *(a) Pendapat Ulama Tafsir (Mufassirin)*

Imam Ibnu Jarir at-Tabari menjelaskan dalam tafsirnya dengan berkata: *Sesungguhnya kami telah membawa banyak dalil yang membuktikan bahawa menikmati persetubuhan dengan mana-mana perempuan tanpa melalui nikah yang sah (nikah biasa) adalah haram.*<sup>12</sup>

Imam al-Khazin dalam tafsir al-Khazinnya pula menyebut:  
Sesungguhnya jumhur ulama dari kalangan para sahabat dan ulama-ulama selepas mereka berpendapat nikah mut'ah adalah haram. Dan ayat 13 "فَإِنْ تَعْتَمِدْ بِهِ مِنْ هَذِهِ فَأُنْجُورٌ هُنَّ" (yang dijadikan hujjah oleh golongan yang mengharuskan mut'ah) telah dimansuhkan sama ada oleh hadis bagi ulama yang berpendapat al-Quran boleh dimansuhkan oleh hadis. Manakala ulama yang tidak mengharuskan memansuhkan al-Quran dengan hadis seperti Imam Syafi'i, maka mereka berkata ayat itu dinasakh oleh Firman Allah:

وَالَّذِينَ هُمْ لِفِرْوَاجِهِمْ حَافِظُونَ إِلَّا عَلَى أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتْ أَيْمَانَهُمْ  
قَاتِلُهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ فَمَنْ ابْتَغَى وَرَأَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادِلُونَ

Ertinya: (Dan mereka yang menjaga kehormatan kecuali kepada isterinya atau hamba sehayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian sesiapa yang mengingini selain daripada demikian (selain daripada isteri dan hamba sahayanya), maka mereka orang yang melampaui batas).

Sedangkan perempuan yang dikhawin dengan nikah mut'ah tidak dipanggil isteri (zaujah) dan tidak juga hamba sahaya.<sup>15</sup>

Kemudian al-Khazin memetik pula pendapat Imam Syafi'i dan Abu Ubai, katanya:

Imam Syafi'i berkata, "Aku tidak mengetahui suatu perkara di dalam Islam yang dihalal, kemudian diharam, lepas itu halal lagi kemudian diharamkan pula (kali kedua) kecuali nikah mut'ah".

"Dan Abu Ubai juga berkata, "Orang Islam sekarang telah sepakat mengatakan nikah mut'ah telah dinasakh dan diharam. Ia dinasakh oleh al-Quran dan oleh hadis. Ini adalah pendapat ulama seluruhnya dari ulama Hijaz, Syam, Iraq dan dari kalangan ulama ra'yi dan ulama hadis. Ia tidak dirukhsahkan (diharuskan) kecuali kepada orang-orang yang terpaksa sahaja."<sup>16</sup>

Selain itu Imam al-Baidhawi menyebut tentang hukum nikah mut'ah ini katanya:

Nikah mut'ah ialah nikah sementara untuk jangka masa yang ditetapkan. Dinamakan nikah mut'ah kerana tujuannya semata-mata untuk beristimta' atau untuk menikmati perempuan sahaja. Nikah ini diharuskan oleh Ibnu Abbas r.a. tetapi kemudiannya dia menarik hukum itu dan mengharamkannya.<sup>17</sup>

Syaikh Muhammad 'Ali al-Sayis juga mengatakan nikah mut'ah adalah haram dan ia sama seperti zina, katanya:

*Jumhur ulama berdalil dengan firman Allah:*

**فِنْ ابْتَهَى وَرَأَ ذَلِكَ فَارْتَأَكَ هُمُ الْعَادِينَ** " sebagai bukti haramnya nikah mut'ah iaitu nikah sementara yang ditentukan tempoh masanya. Ini kerana perempuan yang diakadkan melalui mut'ah itu bukan hamba sahaya yang dimiliki dan bukan juga isterinya (yang sebenar) kerana akad perkahwinan yang sebenar akan melahirkan beberapa perkara penting iaitu sah talak (suami boleh menceraikan isterinya) boleh pusaka mempusakai di antara kedua-dua suami isteri, isteri mesti beriddah dan suami wajib memberi nafkah (kepada isteri). Sedangkan perkara tersebut tidak perlu pada nikah mut'ah. Hikmat dan tujuan diharuskan berkahwin tidak ada pada nikah mut'ah, orang yang melakukan nikah ini tidak memerlukan anak, bahkan anak yang diperolehi tidak boleh dinasabkan kecuali dengan membuat dakwaan (tuntutan). Sedangkan tujuan perkahwinan yang sebenar antara lain untuk melahirkan kasih sayang, persaudaraan dan untuk perkongsian hidup. Di manakah kasih sayang dan persaudaraan serta perkongsian hidup dari nikah mut'ah yang semata-mata bertujuan untuk melepaskan nafsu seks dalam jangka masa yang ditetapkan. Tidakkah zina pun sama dengan nikah mut'ah? Tidakkah zina itu berlaku hasil dari adanya persetujuan dari kedua-dua belah pihak untuk melepaskan kehendak seksnya? Tidakkah nikah mut'ah itu sama seperti zina?<sup>19</sup>

Imam Ibnu Kathir juga memberi pendapat yang sama katanya:

*Ada ulama yang mengatakan ayat (di atas) mengharuskan mut'ah. Memang tidak syak lagi ia diharuskan di awal Islam kemudian dinasakhkan selepas itu. Imam Syafi'i dan ulama-ulama lain berpendapat mut'ah diharuskan kemudian dinasakh (diharam), lepas itu diharuskan semula kemudian diharam lagi. Ibnu 'Abbas dan para sahabat lain mengharuskan mut'ah kerana darurat.*<sup>20</sup>

Kemudian ia menambah lagi katanya:

*"Mujahid berkata ayat ini diturunkan (bagi mengharuskan) nikah mut'ah, akan tetapi jumhur ulama berpendapat sebaliknya (diturun menerang nikah biasa). Bagi mereka ada dalil dari hadis Rasulullah s.a.w yang disebut di dalam al-Bukhari dan Muslim dari Amirul mukminin Ali bin Abu Talib r.a beliau berkata: Rasulullah s.a.w melarang dari melakukan nikah mut'ah dan dari memakan daging kuda belang di hari peperangan Khaibar.*<sup>21</sup>

Dari petikan-petikan di atas jelaslah bahawa jumhur ulama tafsir berpendapat nikah mut'ah adalah haram. Hukum harus pada awal Islam itu telah dinasakhkan oleh

hadis dan juga oleh al-Quran, surah *al-Mukminun* ayat lima yang disebut di atas.

*b. Pendapat Ulama Hadis (Muhaddithin)*

Ulama hadis juga berpendirian sama dengan ulama tafsir, mereka mengatakan nikah mut'ah telah diharamkan buat selama-lamanya. Sebagai bukti di bawah ini dipetik beberapa pendapat mereka.

Ibnu Hajar al-Asqalani menyebut:

*Telah ijmak ulama tentang pengharaman nikah mut'ah kecuali golongan Rafidhah (syiah Imamiah) yang mengharuskannya.<sup>22</sup>*

Imam al-Nawawi juga memberi pendapat yang sama. Beliau menyebut:

*"Al-Mazari berkata telah sabit di dalam hadis saih bahwa nikah mut'ah diharuskan di awal Islam, kemudian sabit di dalam hadis yang saih juga bahwa nikah tersebut dinasakhkan, dan ulama telah ijmak mengharamkannya kerana itu tidak ada pendapat yang menyalahi ijmak itu kecuali golongan mubtadi' (seperti syiah). Mereka berpegang kepada hadis-hadis yang mengharuskan mut'ah, sedangkan kita telah katakan bahwa hukum tersebut telah dinasakhkan. Kerana itu dalil mereka (dan pendapatnya) tidak boleh diterima. Mereka juga berdalil dengan firman Allah:*

**فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَأَتُوْهُنَّ أَجْرَهُنَّ**

Mereka berkata ayat ini diturun bagi mengharuskan nikah mut'ah, kerana mengikut Qiraat Ibnu Masud yang berbunyi:

**فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ إِلَى أَجْلٍ مُسْمَى**

sedangkan Qiraat itu adalah Qiraat syaaz yang tidak boleh dijadikan hujjah kerana menyalahi dan hadis dan tidak boleh beramal dengannya.<sup>23</sup>

Selain dari itu Imam al-Syawkani juga berkata nikah mut'ah adalah haram.

Beliau menyebut:

*Kita meski memperhambakan diri kepada Allah dengan mengikuti syariat-Nya yang telah disampaikan kepada kita, dan telah sahlah kepada kita bahwa nikah mut'ah telah diharamkan buat selama-lamanya sekalipun ada golongan yang menolak hukum syarak (mengenai haram mut'ah itu). Penolakan itu tidak mencacatkan dalil syarak (yang mengharamkannya) jumhur para sahabat mengharamkan (mut'ah) dan mereka mematuhi hukum itu, serta mereka semua meriwayatkan hukum haram itu kepada kita.<sup>24</sup>*

### c. Jawapan Terhadap Dalil Yang Mengharuskan Mut'ah

Selain daripada jawapan dan hujah-hujah yang disebut di atas ulama yang mengharamkan nikah mut'ah ini mengemukakan dalil-dalil lain sebagai jawapan kepada dalil-dalil yang dipegang oleh golongan Syiah. Antaranya:

- i. Mereka berkata, ayat al-Quran:

"فَمَا أَسْتَعْتَمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَأَتُوهُنَّ أَجْوَرَهُنَّ" itu sebenarnya menerangkan tentang nikah biasa bukan mut'ah, kerana perkataan "فَأَتُوهُنَّ أَجْوَرَهُنَّ" bermaksud: Maka berilah kepada mereka (isteri-isteri itu) maskahwin mereka sebagai timbal-balas kepada menikmati persetubuhan dengannya supaya dengan pemberian itu ia boleh mengguna wang tersebut. Maskahwin adalah salah satu dari rukun yang penting dalam perkahwinan.<sup>25</sup>

Ibnu al-Jauzi menjelaskan bahawa ayat di atas tidak ada hubungan dengan nikah mut'ah, kerana harusnya mut'ah pada awal Islam, kemudian pengharamannya selepas itu sabit dengan hadis Rasulullah s.'a.w. Beliau berkata:

*Ulama tafsir menyusahkan diri sendiri kerana mereka berkata ayat al-Quran (di atas) diturun untuk menerangkan tentang nikah mut'ah, kemudian dinasakhkan dengan hadis Rasulullah s.'a.w yang melarang mut'ah. Ini adalah satu takalluf (yang menyusahkan) diri sendiri. Sepatutnya tidak dilakukan demikian. Kerana yang sebenarnya Nabilah yang mengharuskan mut'ah. Kemudian dilarangnya, maka dengan ini hukum Nabi mengharuskan mut'ah (di awal Islam) itu telah dimansuhkan oleh hadisnya sendiri. Adapun ayat al-Quran itu tidak ada apa-apa hubungan dengan nikah mut'ah kerana firman Allah dalam ayat itu<sup>26</sup>*

**انْ تَبْتَغُوا بِأَمْوَالِكُمْ مَحْصِنِينَ غَيْرَ مَسَاقِينَ**

menerang nikah yang sebenar (nikah biasa).<sup>27</sup>

Kemudian ia menambah lagi katanya:

"Al-Zujaj berkata ungkapan;

**فَمَا أَسْتَعْتَمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَأَتُوهُنَّ أَجْوَرَهُنَّ**

*bermaksud: mana-mana (perempuan yang kamu kahwininya dengan akad nikah biasa tanpa melalui zina itu hendaklah kamu berikan kepada mereka maskahwinnya".*

*Mana-mana orang yang mentafsirkan ayat ini selain daripada yang disebut di atas adalah salah dan dia jahil tentang bahasa Arab.*

Al-Alusi juga berpendirian sama dengan Ibnu al-Jauzi, katanya: “Ayat itu tidak menunjukkan halalnya (mut`ah). Manakala pendapat yang mengatakan ayat tersebut diturunkan bagi mengharuskan nikah mut`ah adalah pendapat yang salah dan tafsiran yang dilakukan oleh sebahagian ulama kepada maksud tersebut tidak boleh diterima, kerana susunan gaya bahasa al-Quran (dalam ayat itu) menolaknya, kerana di awal ayat ini dan sebelumnya, Allah menyebut perempuan yang diharam dinikahi, kemudian (lepas itu) diterang pula mengenai perempuan-perempuan yang dihalalkan dengan firmannya:

**وَأَحْلٌ لَكُمْ مَا دَرَأْتُمْ إِنْ تَبْغُوا بِأَمْوَالِكُمْ مُحْسِنٌ إِنْ مُسَاقِحٌ**

maksudnya: *Dan dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada tersebut untuk kamu jadikan (isteri) dengan harta kamu (sebagai maskahwin) secara bernikah bukan secara berzina”.*

*Maka dengan ini terbatallah halal faraj seseorang perempuan atau diberi pinjamnya kepada seseorang lelaki melalui mut`ah sebagai-mana yang diharuskan oleh golongan syiah.*

- ii. Hadis yang dipegang oleh golongan yang mengharuskan mut`ah itu telah dinasakh oleh hadis juga atau oleh al-Quran. Ia hanya diharuskan kepada sahabat yang berada di dalam peperangan di tempat jauh dari keluarga, dan pengharusan itu adalah suatu rukhsah (kemurahan) semata-mata. Perkara ini telah dijelaskan oleh Imam Nawawi, katanya: *Hadis yang mengharuskan mut`ah telah diriwayatkan oleh ramai para sahabat, tetapi kesemua hadis itu tidak ada yang menunjukkan harus mut`ah di waktu mereka berada di dalam negeri atau di kampung halaman, bahkan di waktu mereka di dalam musafir dan di masa peperangan, di waktu darurat, di waktu tidak ada isteri bersama mereka, tambahan pula negeri mereka waktu itu musim panas dan kesabaran mereka kurang. Ada hadis di- riwayatkan oleh Ibnu Omar bahawa nikah mut`ah adalah satu rukhsah (keringanan) di awal Islam kepada mereka yang terpaksa melakukannya sepertimana yang diharus memakan bangkai (kerana terpaksa) dan seumpamanya*.<sup>30</sup>
- iii. Selain dari itu, apa yang dipertikaikan mengenai hanya Saidina 'Umar yang mengharamkan mut`ah, sebenarnya ia tidak lebih hanyalah sebagai menegaskan lagi apa yang telah diharamkan oleh Rasulullah. 'Umar bukan mereka hukum baru yang berlawanan dengan hukum hadis dan al-Quran.

Ibnu Hajar al-'Asqalani menjelaskan hal ini dengan katanya:  
*Telah sabit Rasulullah s. 'a.w mengharamkan mut'ah melalui hadis al-Rabii' bin Sabrah bin Ma'bad yang meriwayatkan hadis itu dari ayahnya sendiri. Dahulu (memang) diharuskan (mut'ah), kemudian tidak didapati keharusannya setelah diharamkan. Jadi larangan Saidina Omar adalah bersesuaian dengan larangan Rasulullah s. 'a.w. Dan dapat difahami juga Saidina Omar tidak mengharamkan mut'ah melalui ijtihadnya sendiri, tetapi larangan itu disandarkan kepada larangan Rasulullah s. 'a.w dan memang Nabi ada menjelaskan perkara itu.*<sup>31</sup>

Kalau mut'ah tidak diharamkan oleh agama Islam, tidak mungkin Saidina Omar berani mengharamkan perkara itu dengan pandai-pandainya sendiri tanpa berpegang kepada dalil yang sah. Tentu sekali beliau tidak berani melakukannya sedangkan beliau selalu membaca ayat al-Quran yang melarang umat Islam melampaui batas, seperti firman Allah: <sup>32</sup>

**وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِلِينَ**

Ertinya: *Dan janganlah kamu melampaui batas kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas.*

- iv. Dakwaan bahawa Ibnu 'Abbas dan Ibnu Mas'ud mengharuskan mut'ah tidak boleh dijadikan hujah. Kerana ia berlawanan dengan hadis sahih dan al-Quran. Tambahan pula ada riwayat lain menjelaskan mereka berdua akhirnya kembali mengharamkannya setelah sampai hukum haram itu kepada mereka.

Imam Nawawi mengulas hal ini dengan katanya:

*(Para sahabat yang mengatakan) kami melakukan mut'ah di zaman Rasulullah s.a.w dan juga di zaman Khalifah Abu Bakar dan 'Umar. Kata-kata itu perlu ditakwilkan kepada maksud, mereka melakukan mut'ah di zaman Abu Bakar dan Omar itu kerana berita pengharaman mut'ah tidak sampai kepada mereka, sehinggaalah Saidina Omar melarangnya barulah mereka tahu hukum yang sebenar.*<sup>33</sup>

Di tempat lain beliau menyebut:

*Qadi Iyadh berkata, "ulama telah sepakat mengatakan nikah mut'ah ialah nikah yang dihadkan masa tertentu, seluruh ulama telah ijmak mengharamkannya kecuali golongan Rafidhah (Syiah Imamiah). Ibnu*

'Abbas pada mulanya mengharuskan, tetapi kemudianya dia menarik kata-kata itu dan mengharamkannya'.<sup>34</sup>

Syaikh Muhammad al-Hamid dalam bukunya, *Nikah al-Mut'ah Fi al-Islam Haramun*, pula menjelaskan:

"Adapun Ibnu 'Abbas, ada meriwayatkan bahawa dia menghalalkan mut'ah. Tetapi ada riwayat lain menunjukkan dia telah kembali menerima hukum haram mut'ah setelah berlaku perselisihan (pendapat) dengan Saidinā 'Ali. Peristiwa itu ada disebut dalam sahib Muslim dari al-Hassan bin Muhammad bin 'Ali dia berkata: Terdengar 'Ali bin Abu Talib berkata kepada seorang lelaki (iaitu Ibnu 'Abbas), katanya: Sesungguhnya engkau seorang lelaki yang sesat jalan (menyeleweng). Rasulullah s.a.w telah melarang kita dari melakukan mut'ah dengan perempuan di hari peperangan Khaibar".

Yang jelas Ibnu 'Abbas kembali menerima hukum haram mut'ah selepas itu dengan berdalil kepada hadis riwayat at-Tarmizi bahawa dia (Ibnu 'Abbas) berkata; Sesungguhnya nikah mut'ah diharus di awal Islam (kerana) orang lelaki pergi ke sebuah negeri yang dia tidak mengetahuinya, lalu ia mengahwini perempuan di situ selama masa berada di situ bertujuan supaya perempuan itu menjaga hartanya dan dapat memperbaiki (menjaga) keadaannya sehingga turun ayat:<sup>35</sup>

اَلَا عَلَى اَزْوَاجِهِمْ اُو مَا مَلَكُتْ اِيْمَانُهُمْ

(Setelah turun ayat ini) Ibnu Abbas berkata: Maka semua faraj perempuan selain daripada kedua-duanya (selain dari isteri dan hamba sahaya perempuan) adalah haram.<sup>36</sup>

Dr. Wahbah al-Zuhayl menyebutkan:

Adapun Ibnu 'Abbas dia mengharuskan mut'ah bagi mereka yang terpaksa sahaja, Said bin Jabir meriwayat dari Ibnu 'Abbas dia berkata: "Bukan begitu aku memberi fatwa (tidak mengharuskan secara umum) tetapi mut'ah itu seperti (halal makan) bangkai, ia tidak diharuskan kecuali bagi orang yang terpaksa. Tetapi golongan syiah (Imamiyah) memperluaskan keharusannya termasuk harus bagi orang yang terpaksa dan yang tidak, orang yang musafir dan yang bukan musafir".<sup>37</sup>

## Penutup

Dari ulasan yang panjang lebar di atas jelaslah bahawa nikah kontrak atau mut'ah telah diharamkan oleh Islam melalui al-Quran dan hadis Rasulullah sendiri. Kerana itu semua ulama salaf dan khalfah mengharamkannya. Hanya golongan syiah Imamiah sahaja yang mengharuskannya, tetapi pendapat mereka tidak boleh diterima kerana dalil yang dipegangnya tidak kuat.

**Nota Kaki:**

1. *Berita Harian*, Khamis 2 Julai 1992, hal. 3.
2. Syaikh Muhammad al-Hamid, *Nikah al-Mut'ah Fi Al-Islam Haramun*, hal. 11.
3. Imam al-Qurtubi, *al-Jami' Li Ahkam al-Quran*, juzuk 5, hal. 132.
4. Dr. Wahbah al-Zuhayly, *Al-Fiqh al-Islami*, juzuk 7, hal. 65.
5. Syaikh Muhammad al-Hamid, *op. cit.*, hal. 12.
6. Syaikh Ali al-Sayis, *Tafsir Ayat al-Ahkam*, juzuk 3, hal. 148.
7. Surah *an-Nisa'*, ayat 24.
8. Ibn Jarir, *Jami' al-Bayan*, juzuk 5, hal. 13; al-Alusi, *Ruh al-Ma'ani*, juzuk 5, hal. 7.
9. *Sahih Muslim*, juzuk 2, hal. 1026.
10. *Ibid.*
11. Syah Ab. Aziz al-Dahlawi, *Mukhtasar at-Tahfah al-Ithnai Asyariah*, hal. 256.
12. Ibnu jarir at-Jabari, *Jami' al-Bayan*, juzuk 5, hal. 13-14.
13. Surah *an-Nisa'*, ayat: 24.
14. Surah *al-Mukminun*, ayat 5.
15. Dipetik dari Syaikh Muhammad al-Hamid, *op. cit.*, hal. 18-19.
16. *Ibid*, hal. 19.
17. *Tafsir al-Baidhawi*, juzuk 1, hal. 213.
18. Surah *al-Mukminun* ayat 5; ertinya Kemudian sesiapa meningini selain daeipada yang demikian (selain daripada isteri dan hamba perempuannya) maka mereka lah orang yang melampaui batas.
19. Syaikh 'Ali al-Sayis, *Tafsir Ayat al-Ahkam*, juzuk 3, hal. 148.
20. Ibnu Kathir, *Tafsir al-Quran al-Azim*, juzuk 1, hal. 474.
21. *Ibid.*
22. Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathu al-Bari'*, juzuk 8, hal. 168.
23. Imam al-Nawawi, *Syarh Sahih Muslim*, juzuk 9, hal. 179.

24. Imam Muhammad al-Syawkani, *Nail al-Awtar*, juzuk 6, hal. 156.
25. Syaikh Muhammad al-Hamid, *op. cit.*, hal. 16.
26. Surah *an-Nisa'*, ayat 24 ertinya: Untuk kemu mencari (isteri) dengan harta kamu secara berkahwin bukan secara berzina (bagi mengawal kehormatan).
27. Ibnu al-Jauzi, *Jaad al-Masir*, juzuk 2, hal. 54.
28. Ibid.
29. Al-Alusi, *Ruh al-Ma'ani*, juzuk 5, hal. 7.
30. Imam al-Nawawi, *op. cit.*, juzuk 9, hal. 180.
31. Ibnu Hajar al-Asqalani, *op. cit.*, juzuk 9, hal. 168.
32. Surah *al-Maidah*, ayat 87.
33. Imam al-Nawawi, *Syarh Sahih Muslim*, juzuk 9, hal. 179-180.
34. Imam al-Nawawi, *op. cit.*, juzuk 9, hal. 180.
35. Surah *Mukminun*, ayat 5, ertinya: kecuali kepada isterinya atau hamba sahaya.
36. Syaikh Muhammad al-Hamid, *op. cit.*, hal. 27.
37. Dr. Wahbah al-Zuhayly, *op. cit.*, juzuk 7, hal. 78.